



07 JAN, 2023

FAMA edar 8,542 papan telur ayam

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA edar 8,542 papan telur ayam

Kuala Terengganu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, semalam, tampil membantu pengguna mendapatkan bekalan telur ayam dengan mengedarkan 8,542 papan mengandungi 256,260 biji telur kepada usahawan bimbingan FAMA.

Pengedaran itu dilakukan di Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) dan usahawan pasar tani.

Tinjauan mendapati sebanyak 2,082 papan telur ayam mengandungi 62,450 biji membabitkan gred A, B dan C serta telur ayam omega diedarkan kepada usahawan FAMA, semalam.

Difahamkan, FAMA negeri memperoleh bekalan telur ayam daripada pengeluar bekalan sumber protein di Melaka.

Tinjauan mendapati sebanyak 2,082 papan mengandungi 62,460 biji telur ayam tiba, semalam, dengan 982 papan mengandungi 29,460 biji diedarkan terus ke Pusat Operasi FAMA.

Sebanyak 430 papan mengandungi 12,900 biji daripada bekalan itu turut dihantar ke AKR, ABR (350 papan, 10,500 biji) dan 320 papan mengandungi 9,600 biji kepada usahawan pasar tani.

Difahamkan, pengedaran sumber protein oleh FAMA kepada usahawannya bagi membantu pengguna mendapatkan bekalan sumber protein itu adalah fasa kedua selepas bulan lalu.



07 JAN, 2023

FAMA edar 8,542 papan telur ayam

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Terengganu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, semalam, tampil membantu pengguna mendapatkan bekalan telur ayam dengan mengedarkan 8,542 papan me - ngandungi 256,260 biji telur kepada usahawan bimbingan FAMA. Pengedaran itu dilakukan di Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) dan usahawan pasar tani. Tinjauan mendapati sebanyak 2,082 papan telur ayam mengandungi 62,450 biji membabitkan gred A, B dan C serta telur ayam omega diedarkan kepada usahawan FAMA, semalam.